

# Buletin

AKADEMI PENGAJIAN MELAYU, UNIVERSITI MALAYA



SSBN 1823-6928

BIL. 21/2017



## PELESTARIAN SENI DAN WARISAN MELAYU



Sosio-Budaya Melayu



Bahasa Melayu



Kesusasteraan Melayu



Linguistik Melayu



Kesenian Melayu

Persidangan Antarabangsa  
Perubatan Melayu 2017

Syarahan  
Za'ba 2017



AKADEMI PENGAJIAN MELAYU



UNIVERSITI  
MALAYA

# Isi Kandungan

Dari Meja Ketua Pengarang .....	2
Senarai dan Gambar AJK Buletin .....	3
Perutusan Pengarah Akademi Pengajian Melayu .....	4
Wawancara Tokoh.....	5 - 7
Persidangan Antarabangsa Perubatan Melayu .....	8 - 9
Syarahanan Za'ba 2017 .....	10
Sebahtera 2017.....	11 - 12
Siri Kuliah Kesusasteraan Bandingan MASTERA XX .....	13
Siri Seminar Nashkah .....	14
Siri Diskusi Buku 2017 .....	15
Pameran Seni Anyaman .....	16
Pameran Perubatan Melayu .....	17
Pencapaian Staf .....	18 - 21
Pencapaian Pelajar .....	22
Aktiviti Pelajar .....	23
Jalinan Masyarakat .....	24 - 25
Program Hati .....	26
Program Maltis .....	27
Bengkel Kesenian Melayu .....	28
Ilham Seni .....	29
Kenduri Rakyat .....	30
Majlis Solat Hajat dan Bacaan Yassin .....	31
Peristiwa Bergambar .....	32 - 34
Bengkel/Seminar/Persidangan/Forum/Diskusi .....	35 - 37
MoU/MoA/SEA dan Hubungan Luar dan Antarabangsa .....	38 - 39
Keratan Akhbar .....	40 - 41
Buku-buku Staf Akademik .....	42
Konvokesyen 2017 .....	43
Pelan Strategik .....	44
Kata-kata Hikmah .....	45



## DARI MEJA KETUA SIDANG PENGARANG

Buletin APM 2017 berjaya diterbitkan pada tahun 2018, syukur ahlhamdulillah. Setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada semua Jawatankuasa Buletin 2017 atas komitmen yang tinggi terhadap penerbitan BULETIN APM kali ini. Tidak lupa kepada semua pensyarah dan staf sokongan yang memberi kerjasama sepenuhnya dalam setiap tugas dan aktiviti yang dijalankan di APM.

Sepanjang tahun 2017 menyaksikan pelbagai aktiviti dan kejayaan APM. Tujuan BULETIN APM 2017 diterbitkan pada tahun ini sama juga seperti BULETIN APM pada tahun-tahun lepas. Buletin APM merupakan laporan ringkas tentang perkembangan yang berlaku di APM pada setiap tahun. Buletin APM 2017 ini turut dimuat naik dalam laman web rasmi APM.

Dalam BULETIN 2017 ini, banyak anugerah, kejayaan dan aktiviti staf dan pelajar dimuatkan sebagai dokumentasi kejayaan APM. Pada tahun 2017, APM masih meneruskan bekerjasama dengan Syarikat Gallery Bookstore Sdn. Bhd. mengadakan Sayembara Menulis Cerpen 2017. Majlis Penyampaian Hadiah Sayembara yang gilang gemilang pula telah diadakan di Pusat Dagangan Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur.

Kerjasama APM dengan industri semakin meluas pada tahun 2017. Selain Gallery Bookstore Sdn. Bhd., pihak APM melebarkan lagi jaringannya dengan pihak industri lain, iaitu Institut Terjemahan Buku Malaysia (ITBM), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, dan Fakulti Perubatan Melayu (IPSCA – Institute of Physical Science Culture and Arts).

Perkara yang membanggakan pada tahun 2017 adalah peningkatan dari segi penerbitan dan penyelidikan. diperkukuhkan melalui MoU dengan Beijing Foreign Studies University, Beijing, China; Tianjin Foreign Studies University, China; Guangdong University of Foreign Studies, Guangzhou, China; Universiti Rajabhat, Yala, Thailand; Universiti Andalas, Indonesia, dan Universiti Dayanu Ikhsanuddin, Indonesia.

Akhir kalam, saya sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada Jawatankuasa Buletin APM 2017 atas kerjasama yang padu untuk penerbitan BULETIN 2017. Penghargaan terhadap Profesor Madya Dr. Sabzali yang bertungkus lumus menyiapkan reka bentuk BULETIN APM 2017 yang sangat menarik serta menyiapkan kerja-kerja akhir penerbitan. Tanpa sokongan dan kerjasama semua AJK dan semua pihak, penerbitan BULETIN 2017 ini tidak akan dapat direalisasikan seperti ini.

Semoga kejayaan demi kejayaan yang dicapai ini akan menjadi inspirasi dan galakan kepada semua warga APM untuk terus melakarkan kejayaan demi kejayaan dalam Pengajian Melayu.

**Profesor Madya Dr. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd. Ali**  
Ketua Sidang Pengarang  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya



# Sidang Pengarang

**PENASIHAT**

Prof. Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid

**KETUA SIDANG PENGARANG**

Prof. Madya Dr. Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali

**EDITOR**

Prof. Madya Dr. Sabzali Musa Kahn

**SIDANG PENGARANG**

Dr. Mardian Shah Omar  
Dr. Maizira Abdul Majid  
Dr. Nurul Haniza Samsudin  
Dr. Eizah Mat Hussain  
Encik Mohammad Anis b. Abdul Samad  
Encik Ahmad Kamal Alias  
Puan Ahna Sum Sum  
Puan Nor Azura Taib  
Puan Norfazana Muzi  
Puan Radziah Abu Nor  
Puan Radziah Sulaiman  
Puan Siti Salasiah Mohamed Zakaria  
Puan Wan Habsah Wan Ali

**GRAFIK DAN SUSUN ATUR**

Prof. Madya Dr. Sabzali Musa Kahn  
Encik Ricky Issau



# Perutusan Pengarah

Sekalung tahniah dan penghargaan kepada semua Jawatankuasa BULETIN 2017 yang bertungkus-lumus menghasilkan BULETIN APM bermula awal tahun sehingga diterbitkan pada tahun 2018 ini. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua warga Akademi Pengajian Melayu (APM) yang sama-sama berusaha dengan begitu gigih untuk menaikkan nama APM. Pada tahun 2017, banyak usaha yang telah dilaksanakan oleh warga APM untuk meningkatkan prestasi APM dari segi mutu perkhidmatan, pengajaran dan pembelajaran, serta penyelidikan. Hubungan dalam negara dan antarabangsa turut dipertingkatkan melalui kerjasama dengan institusi pengajian tinggi mahupun industri yang bertempat di dalam atau di luar negara.

Banyak aktiviti telah diesmpurnakan di APM pada tahun 2017. Aktiviti-aktiviti yang melibatkan pensyarah, pelajar dan staf sokongan seperti Kongres Budaya, Sayembara Menulis Cerpen Anjuran Gallery Bookstore-Akademi Pengajian Melayu 2017, Seminar SEBAHTERA UM-UKM, Arts Literature, and The Royal Courts of South East Asia (ALARC-SEA Anjuran Sunway University dengan APM), Seminar Perubatan Melayu Antarabangsa (Anjuran APM dengan kerjasama IPSCA), Majlis Kesusasteraan Asia Tenggara (MASTERA – Anjuran DBP dengan kerjasama APM). Taklimat Penerbitan Buku ITBM, Taklimat Penebitan SCOPUS, Ceramah Seminar Kerjaya, Bengkel Penyelidikan FRGS, Ceramah Tokoh, Syarahan Za'ba, Program Khidmat Masyarakat, Diskusi Buku, Malam Tautan Kasih (MALTIS), Homestay, Jalinan Masyarakat, Latihan Industri, dan Program Khidmat Masyarakat. Semua aktiviti atau program berkenaan dijalankan dengan jayanya dan mendapat sambutan yang sangat baik.

Kerjasama dengan pihak luar banyak dijalankan sepanjang tahun 2017. Antaranya ialah MoU atau dengan Beijing Foreign Studies University, Beijing, China; Tianjin Foreign Studies University, China; Guangdong University of Foreign Studies, Guangzhou, China; Universiti Rajabhat, Yala dan Universiti Walailak, Thailand; Universiti Andalas, Universiti Dayanu Ikhsanuddin, dan Universiti Sebelas Maret, Indonesia; Hangkuk Universiti, Korea; dan Kanda University of International Studies, Jepun. APM turut mengadakan kerjasama dengan pihak industry, iaitu Gallery Bookstore Sdn. Bhd., Institut Terjemahan Buku Malaysia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, dan Fakulti Perubatan Melayu (IPSCA – Institute of Physical Science Culture and Arts).

Dari segi penyelidikan dan penerbitan kakitangan akademik memperlihatkan banyak penerbitan dan penyelidikan dijalankan. Sebanyak 60 penerbitan yang melibatkan jurnal Scopus, Berwasit, Bab dalam Buku dan Buku pada tahun 2017. Dari segi penyelidikan pula memperlihatkan 23 daripada 28 orang pensyarah menjadi Penyelidik Utama dalam geran penyelidikan seperti UMRG, BKP, FRGS, UMCARES, DBP, ASTRO, Yayasan Warisan Johor, dan Kementerian Luar Negara Korea.

Perancangan untuk tahun 2018 seterusnya, APM telah merangka plan strategik untuk mengukuhkan hubungan antarabangsa. APM akan mewujudkan perhubungan yang erat dengan institusi-institusi luar; mempromosikan APM sebagai pusat ilmu Pengajian Melayu dunia dan menarik lebih ramai lagi pelajar-pelajar dari Korea dan Jepun datang belajar ke APM.

Alhamdulillah, semoga Pengajian Melayu dapat berkembang dan dimartabatkan sama ada pada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa

**Profesor Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid**  
Pengarah  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya



# WAWANCARA TOKOH

## DATUK ZAINAL ABIDIN BORHAN

YAYASAN KARYAWAN  
ARAS BAWAH  
MENARA DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
JALAN DEWAN BAHASA, 50460 KUALA LUMPUR



### Latar Belakang

Datuk Zainal Abidin Borhan ialah mantan staf akademik Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya yang mula berkhidmat sebagai Tutor pada 1977 dan kini telah bersara selepas berkhidmat selama 34 tahun bersama Universiti Malaya. Beliau juga merupakan mantan Pengarah di Akademi Pengajian Melayu (2006-2011). Lahir pada 13 Disember 1953, menerima pendidikan awal bermula di Melaka, di Tranquerah English School, Gajah Berang Secondary School, kemudian ke Malay College Kuala Kangsar dan akhirnya di Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya pada peringkat Sarjana Muda Sarjana (M.A). Bidang pengajian dan penyelidikan beliau semasa berkhidmat sebagai ahli Akademik ialah mengenai Kebudayaan dan Tamadun Melayu, meliputi persoalan Adat Melayu, Kosmologi Melayu, Pemikiran Melayu, Politik Melayu, Dasar Kebudayaan Kebangsaan, Agama dan Kepercayaan Melayu dan Budaya Orang Asli serta Orang Laut. Di Antara penerbitan suntingan beliau, Ideologi dan Kebudayaan Kebangsaan (1986), Johor dahulu dan sekarang (1994), Adat Istiadat Melayu Melaka (1996), Warisan Persuratan Johor (1997), Pengajian Sastera dan Sosio-Budaya Melayu, Memasuki Alaf Baru (1998), Warisan Persuratan Johor, Perundangan dan Ketatanegaraan (1999), Kerana Mu Malaysia: Kemerdekaan, Pembinaan Bangsa dan Cabaran Abad ke 21 (2001), Pantun Warisan Rakyat (2008) dan Abdul Ghani Othman : Pembangunan Holistik; Dimensi Kebudayaan (2008), Prosiding Seminar Antarabangsa Tenun Nusantara: Kesenambungan Tradisi dan Budaya (2009), Prosiding Persidangan Antarabangsa Bahasa Melayu Bahasa Dunia (2009) dan Prosiding Gagasan Satu Malaysia: Kesenambungan Satu Perjuangan (2009).

Beliau sering diundang ke forum dan seminar oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, Kementerian Penerangan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Arkib Negara, Yayasan Warisan Johor, Perbadanan Muzium Melaka, Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP), Institusi Seni Melaka Malaysia (ISMMA), Muzium Negeri Pahang, Institusi Integriti Malaysia, Universiti Utara Malaysia, beliau juga sering membenteng kertas kerja di Riau, Aceh, Sumatera Utara, Pontianak, Jakarta, Bandung, Pattani, Yala, Mindanao, Sri Lanka, Cape Town dan Madagaskar serta Beijing, China. Menerima Bintang Kelakuan Terpuji (BKT) pada 1996 dan Darjah Seri Melayu (DSM) pada 2003 dan Darjah Mulia Seri Melaka (DMSM) pada 2005.

Mulai 15 Disember 2011 beliau dilantik sebagai Ketua Eksekutif, Yayasan Karyawan. Yayasan Karyawan ialah sebuah organisasi nir-laba (non-profit) yang menerbitkan Karya Agung Melayu, Dilantik sebagai panel penilai Sayembara Penulisan Novel Sejarah Johor oleh Yayasan Warisan Johor. Pernah dilantik sebagai penilai program Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam (2010-2012), Pada 2017 dilantik menganggotai Jawatankuasa MASTERA DBP. Penerima Anugerah Tokoh Mahrajan Persuratan dan Kesenian Islam Serantau pada 2017. Penerima Anugerah Sagang 2014 dari Riau Pos, surat khabar di Provinsi Riau, Indonesia. Terpilih sebagai Ketua Satu GAPENA (2016-2018).

## WAWANCARA TOKOH • Sesi Wawancara

### 1. Apa khabar Datuk sekarang? Apakah perkembangan karier dan aktiviti terkini Datuk?

Alhamdulillah dan syukur ke hadrat Ilahi kerana diberi kesihatan yang baik. Terkini saya telah dilantik sebagai Ketua Eksekutif, Yayasan Karyawan mulai 15 Disember 2011 sehingga sekarang. Saya juga telah dipilih sebagai Ketua Satu GAPENA mulai 2016 hingga 2018, dan baru-baru ini terpilih sekali lagi untuk memimpin GAPENA (2018-2020).

Dua tahun sebelum saya bersara saya telah dilantik sebagai Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Karyawan. Saya selesa bekerja di sini kerana YABhg Tun Ahmad Sarji bin Abdul Hamid selaku Pengerusi Lembaga Amanah memberi saya kebebasan untuk saya melakukan tugas saya dan pada masa yang sama saya boleh melakukan kerja saya di GAPENA.

Yayasan Karyawan sekarang menyewa satu ruang di Dewan Bahasa Pustaka sebagai pejabat. Pihak DBP selalu mengundang saya dalam program DBP terutamanya dalam hal berkaitan isu Bahasa Melayu terutamanya semasa Bulan Bahasa Kebangsaan yang biasa diadakan setiap bulan Oktober setiap tahun. Semoga Allah swt memberikan saya kesihatan untuk meneruskan perjuangan ini, insya Allah. Mohon didoakan.

### 2. Setelah sekian lama Datuk meninggalkan Akademi Pengajian Melayu (APM) apa perasaan Datuk tentang APM sekarang? Apa kenangan manis yang pernah Datuk lalui sepanjang Datuk menjadi warga APM atau mungkin juga ada kenangan pahit selama berada di APM?

Saya ada banyak kenangan manis sepanjang saya berkhidmat di APM. Antaranya ialah pada era 1980 an saya bersama Allahyarham Profesor Dr. Norazit Selat, Dr. Anuar Nor Arai, Dr. Sanat Nasir diberikan amanah dan tanggungjawab oleh Jabatan Pengajian Melayu (JPM) untuk menyediakan laporan penubuhan APM. Semasa itu Naib Canselor ialah Profesor Di Raja Ungku Aziz dan Ketua Jabatan Pengajian Melayu pula Profesor Madya Abdul Rashid Ahmad. Kemudian Senat Universiti Malaya bersetuju melantik Jawatankuasa Pengajian yang dipengerusikan oleh Profesor Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim untuk memperhaluskan kertas cadangan untuk menubuhkan Akademi Pengajian Melayu, manakala Ketua Jabatan Pengajian Melayu ialah Profesor Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim, diminta untuk membuat kertas cadangan untuk menubuhkan Akademi Pengajian Melayu.

Kenangan manis lain antaranya ialah selama enam (6) tahun sebelum saya bersara sebagai Pengarah, APM, saya mempertahankan Bahasa Melayu sebagai Bahasa penghantar dalam pembelajaran di APM. Mantan Naib Canselor, iaitu Profesor Datuk Dr Gauth Jasmon pernah memanggil saya untuk menukar bahasa penghantar daripada Bahasa Melayu kepada Bahasa Inggeris tetapi saya tidak setuju dan berjaya mempertahankannya. Saya sebenarnya tidak menghalang penggunaan Bahasa Inggeris kerana ianya baik untuk kemajuan pelajar tetapi biarlah ianya sejajar atau selari dengan Bahasa Melayu. Silakan menulis dalam jurnal ISI dalam Bahasa Inggeris, tetapi jangan memperkecilkan dan meremehkan penulisan dalam Bahasa Melayu.

Manakala kenangan pahit pula saya rasa tiada sebab saya boleh berkawan dengan semua lapisan staf di APM. Kalau ada pun ianya hanya perkara remeh dan terlalu kecil dan ianya asam garam dalam pergaulan dan perkhidmatan.

Saya masih lagi berhubung dengan beberapa staf di APM melalui 'group wassap' kumpulan staf yang telah bersara, saya juga ada menderma buku-buku koleksi saya kepada Perpustakaan APM. Saya serahkan buku-buku tersebut kerana saya tiada ruang yang besar di rumah untuk menyimpan buku-buku ini. Tetapi, ada kala timbul masalah bila saya ingin menulis saya tiada buku-buku sebagai bahan rujukan.

## WAWANCARA TOKOH • Sesi Wawancara

### 3. Apakah perbezaan tugas Datuk karier sebagai ahli akademik, pentadbir akademik dan tugas sekarang?

Sebagai Ahli Akademik kita tertakluk kepada peraturan dan undang-undang, tertakluk juga kepada Ketua Jabatan, Dekan dan Naib Canselor. Hampir 35 tahun saya di UM saya memang seronok di samping itu saya juga aktif dengan program GAPENA mulai 1996. Yang penting ialah ilmu, walaupun saya tidak cemerlang sebagai ahli akademik, tapi saya mampu menggunakan secebis ilmu pengetahuan yang ada melalui pembacaan yang banyak itu untuk menyampaikan ilmu pengetahuan. Semoga Allah swt meredhai segala usaha saya.

Tidak banyak beza antara ahli akademik dan di Yayasan Karyawan. Walaupun saya bukan pengkaji naskhah tetapi saya banyak membaca dan mengkaji buku-buku dari sumber pernaskhahan. Pengalaman ini saya gunakan dalam penulisan dan kuliah saya. Membaca tulisan jawi ini tidak sama dengan jawi cetak batu yang ditulis oleh penerbit dalam buku atau komputer.

Di Yayasan Karyawan, kami kena cari duit dengan penjualan buku untuk mendapat dana, kerana hasil penjualan buku ini tidak cukup dan kita kena berusaha cara lain untuk mendapatkan dana.

Di sini saya banyak membuat kerja sebagai Editor, walaupun saya tidak terlatih sebagai editor tapi saya ada pengalaman sebagai JK editorial PURBA (Persatuan Muzium Malaysia) ini yang membantu saya untuk menjalankan tugas saya di sini.





# PERSIDANGAN ANTARABANGSA PERUBATAN MELAYU 2017



# SYARAHAN ZA'BA 2017

Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Hj. Wan Junaidi Tuanku Jaafar

**Tajuk: "Kepimpinan Tradisional Malaysia dalam Sistem Kerajaan Monarki Berparlimen"**

Syarah Za'ba 2017 telah diadakan pada 29 Ogos 2017 di Dewan Semarak, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Syarahan tersebut yang bertajuk 'Kepimpinan Tradisional Malaysia dalam Sistem Kerajaan Monarki Berparlimen' telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Majlis turut dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaya, YBhg. Tan Sri Dato' Sri Prof. Emeritus Dr. Zakri Abdul Hamid, Timbalan Naib Canselor (Akademik) Profesor Dr. Awang Bulgiba, Pengarah Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Profesor Dr. Puteri Roslina Wahid, Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr. Azimuddin Bahari. Dekan-dekan dari beberapa fakulti di Universiti Malaya, pensyarah-pensyarah Universiti Malaya dan beberapa pegawai dari institusi luar, serta para mahasiswa dan mahasiswi Universiti Malaya.

Acara itu dimulakan dengan pemedato, iaitu Yang Berbahagia Prof. Dr. Noorsaadah Abd. Rahman, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) memperkenalkan tokoh Syarahan Za'ba 2017. 'Syarahan Za'ba' adalah siri ceramah yang dimulakan sejak penggabungan rasmi Jabatan Pengajian Melayu dan Akademi Pengajian Melayu untuk menjadi sebuah institusi akademik di Universiti Malaya pada tahun 1995. Syarahan Za'ba 2017 merupakan syarahan siri yang keenam penganjurannya. Pada majlis yang sama, Yang Berhormat Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar turut menyampaikan sumbangan peribadi sebanyak RM35,000.00 kepada Akademi Pengajian Melayu.



# SEBAHTERA 2017

(Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu)

Tema: Transformasi Pengajian Melayu Dalam Era Generasi Z

## Pengenalan:

Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM) dan Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (BAYU), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menganjurkan Seminar Bahasa, Sastera dan Bahasa Melayu (SEBAHTERA) pada 27 September 2017 bertempat di Dewan Semarak, Akademi Pengajian Melayu.

Seminar ini merupakan kerjasama APM dan BAYU yang diadakan setiap tahun secara bergilir-gilir. Pada 2017 seminar diadakan di APM. Hasil pembentangan kertas kerja ini akan diterbitkan dalam bentuk Jurnal atau buku.

## Pembentangan Kertas Kerja

Bil	Nama Pembentang	Takil kertas Kerja
1.	Prof Madya Dr Karim Harum (UKM) Prof Madya Dr Maslida Yusof (UKM) Dr Kartini Abdul Wahab (UKM) Pn Saadiah Ma'alip (UKM)	Mendepani Generasi Z Dalam Pengajian Bahasa Melayu"
2.	Dr Salinah Ja'afar (UM)	"Bahasa Ibunda Sesi Inklusif Dalam Pendidikan Generasi Z Dengan Rujukan Kepada Bahasa Melayu"
3.	Dr Muammar Ghadafi Hafiah (UKM) Dr Mohd Yuszaiddy Mohd Yusoff (UKM) Dr Yusmilayati Yunus (UKM) En Muhd Norizam Jamian (UKM)	"Etos Melayu Dalam Pembentukan Generasi Z"
4.	Prof Madya Dr Mawar Safie (UKM)	"Kesusasteraan Melayu Dalam Era Generasi Z"
5.	Prof Madya Dr Awang Azman Awang Pawi (UM) Prof Dr Mohamad Mokhtar Hassan (UM) Prof Dr Sjafrin Sairin (Indonesia) Prof Dr Amri Marzali (Indonesia) Dr Hasbulah Pawira	"Perubahan Sosio-Ekonomi Zaman Generasi Z di Riau, Indonesia"
6.	En Norizam Jamian (UKM) Dr Mohd Yuszaiddy Mohd Yusoff (UKM) Dr Muammar Ghadafi Hanafiah (UKM) Dr Yusmilayati Yunus (UKM)	"Fenomena Folklore Bandaran Dalam Kalangan Generasi Z"
7.	Dr Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (UM) Dr Madiawati Mamat@Mustaffa (UM) Dr Nurhamizah Hashim (UM) Dr Eizah Mat Hussain (UM)	"Kehendak Generasi Z Dalam Cerpen Terbaik 2016 Terbitan Fixi"
8.	Dr Mohd Yuszaiddy Mohd Yusoff (UKM) Dr Muammar Ghadafi Hanafiah (UKM) Dr Yusmilayati Yunus (UKM) Dr Mohd Norizam Jamian (UKM)	"Generasi Z dan Warisan Budaya"
9.	Dr. Nor Azlin Hamidon (UM) Dr Maizira Abdul Majid (UM) Dr Nur Yuhanis Mohd Nasir (UM) Dr Mohammad Nazzri Ahmad (UM)	"Generasi Z dan Warisan Budaya"

# SEBAHTERA 2017

(Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu)

Tema: Transformasi Pengajian Melayu Dalam Era Generasi Z



# SEBAHTERA 2017

Seminar Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu

## SIRI KULIAH KESUSASTERAAN BANDINGAN MASTERA XX 2017



Siri Kuliah Kesusasteraan Bandingan MASTERA XX 2017 telah diadakan pada Selasa, iaitu 21 November 2017 di Dewan Semarak, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Siri kuliah Kesusasteraan bandingan ini merupakan satu kegiatan yang dilakukan setiap tahun oleh MASTERA atau dikenali sebagai Majlis Sastera Asia Tenggara yang dipersetujui tiga buah negara iaitu Brunei, Indonesia dan Malaysia. Majlis siri kuliah tersebut dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama Akademi

Pengajian Melayu, Universiti Malaya. Siri kuliah tersebut telah dihadiri oleh Ketua Pengarah, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), YBhg. Datuk Haji Abdul Adzis Abas, Pengarah Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Profesor Dr. Puteri Roslina Wahid, pensyarah-pensyarah Akademi Pengajian Melayu, pegawai dari Dewan Bahasa dan Pustaka dan pelajar-pelajar Akademi Pengajian Melayu.

Tajuk siri kuliah kesusasteraan bandingan tersebut ialah "Sastera Bandingan: mengungkap Pemasalahan SosioBudaya Tempatan" Tempatan yang disampaikan oleh Ybgh. Bapak Maman S. Mahayana. Bapak Maman S. Mahayana berkelulusan Fakultas Sastra, Universitas Indonesia (FSUI) tahun 1986. Beliau merupakan seorang pengajar atau pendidik di Fakultas Ilmu Pengetahuan Budaya Universitas Indonesia (FIB-UI). Dalam kuliah ini, beliau banyak membincangkan mengenai Sastera Bandingan di mana meliputi banyak hal dan juga perbezaan seperti budaya, tradisi, dan juga politik di antara negara Malaysia dan Indonesia. Pada pandangan beliau berlaku perbezaan ini kerana masyarakat Indonesia tidak ada kefahaman dan tidak mengetahui sejarah sebenar Indonesia dan turut memutuskan pertalian sastera Indonesia dengan perkembangan sastera Malaysia.

SIRI KULIAH KESUSASTERAAN BANDINGAN MASTERA XX 2017

**"SASTERA BANDINGAN:  
MENGUNGKAP PERMASALAHAN SOSIOBUDAYA TEMPATAN"**

Oleh  
**MAMAN S MAHAYANA**

Tarikh  
21 NOVEMBER 2017 (SELASA)

Masa  
9.00 PAGI - 1.00 TENGAH HARI

Tempat  
DEWAN SEMARAK, AKADEMI PENGAJIAN MELAYU, UNIVERSITI MALAYA

Anggaran  
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA  
Dengan Keljasama  
AKADEMI PENGAJIAN MELAYU, UNIVERSITI MALAYA

"SASTERA BANDINGAN:  
MENGUNGKAP PERMASALAHAN SOSIOBUDAYA TEMPATAN"

## SIRI SEMINAR NASKHAH

Siri Seminar Naskhah Melayu telah diadakan pada bulan Mac 2017 yang dibentangkan oleh Dr. Harun Mat Piah dan dipengerusikan oleh Dr. Zahir Ahmad dari Jabatan Kesusasteraan Melayu. Majlis ini membicarakan *Manuskrip Kitab Tib Perubatan Melayu: Perkembangan dan Situasi Masa Kini* yang mengulas mengenai ilmu-ilmu perubatan Melayu yang terdapat dalam kitab tib.



Siri Seminar سيري سمينار نسخة ملايو  
**Naskhah Melayu**  
 Bil. 1/2017

**MANUSKRIP KITAB TIB: PERKEMBANGAN MASA KINI**  
 Pemakalah: Dr. Harun Mat Piah  
 Tempat: Bilik Mesyuarat Kiambang, APM, UM  
 Tarikh: 22 Mac 2017 (Rabu)  
 Masa: 10.00 pagi

Kitab Tib  
 Harun Mat Piah


Anjuran Jabatan Kesusasteraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu (APM), Universiti Malaya (UM)



Siri Seminar سيري سمينار نسخة ملايو  
**Naskhah Melayu**  
 Bil. 1/2017

# SIRI DISKUSI BUKU

Siri Diskusi Buku merupakan perbincangan yang menjurus kepada bicara karya sama ada karya akademik atau kreatif. Pada 12 Oktober 2017 telah berlangsung Diskusi Buku yang dipengerusikan oleh Profesor Dr. Mohamad Mokhtar Abu Hassan. Diskusi dimulai oleh Pak Sumarlam yang mengupas buku, iaitu *Revolusi Mental Dalam Budaya Jawa* oleh Suwardi Endraswara, yang mendeskripsikan mengenai sikap mental orang Jawa pada waktu sekarang dan masa akan datang. Seterusnya, Encuk Fauzi Hasan membincangkan mengenai *Bagaimana Anyss Naik Ke Langit?: Dari Perspektif Struktural*.



# Pameran Seni Anyaman

Pada 1 Ogos – 30 September 2017, Akademi Pengajian Melayu (APM) dengan kerjasama Perpustakaan Universiti Malaya mengadakan Pameran Seni Anyaman, bertempat di Ruang Pameran Perpustakaan Utama, Universiti Malaya.

Dalam pameran ini, para pengunjung dapat melihat dengan lebih dekat keindahan seni anyaman Melayu, khususnya dari aspek bahan, teknik, bentuk, motif dan fungsi.

Tumpuan utama pameran ialah keunikan anyaman kelarai. Di sesetengah tempat, kelarai dimaksudkan kepada anyaman yang diperbuat daripada buluh atau bertam yang digunakan sebagai dinding atau penyekat ruang di dalam rumah yang dikenali sebagai tupas atau pelupoh. Anyaman jenis ini lebih kukuh dan kasar buatannya kerana bersesuaian dengan bahan dan fungsinya.

Terdapat pelbagai nama kelarai berdasarkan motif yang diilhamkan daripada unsur alam, seperti tumbuhan dan haiwan. Selain itu, terdapat kelarai yang dinamakan sempena nama orang dan tempat asalnya. Kelarai koleksi Muzium Etnografi Melayu dibeli pada tahun 1978, dari Paka, Terengganu. Keindahan seni anyaman kelarai juga boleh ditemui pada tikar, tudung saji dan bakul yang dibuat menggunakan daun sal, pandan atau mengkuang.

Koleksi lain yang dipamerkan ialah bahan-bahan bertemakan seni anyaman seperti tudung saji, tikar, rompong, anyaman ribu-ribu dan pelbagai jenis bekas, bakul dan beg dari Sabah dan Sarawak.



# Pameran Perubatan Melayu

Sempena Persidangan Antarabangsa Perubatan Melayu, APM turut mengadakan pameran bertemakan "Perubatan Melayu". Pameran ini diadakan di Muzium Etnografi Melayu selama dua minggu mulai 15 hingga 30 November 2017, dengan kerjasama Muzium Seni Asia, Muzium Patologi dan Perpustakaan Universiti Malaya. Hasil kerjasama ini, pelbagai bahan bertemakan "perubatan Melayu" dipamerkan, menurut perspektif institusi masing-masing.

Bahan pameran utama terdiri daripada koleksi Muzium Etnografi Melayu dan Muzium Seni Asia. Pelbagai artifak budaya antaranya bengkung, bekas perasapan, bekas ubat, bekas celak, kendi dan terenang dipamerkan. Fokusnya ialah pada kegunaan atau fungsi sesebuah peralatan dalam amalan perubatan, penjagaan kesihatan dan kecantikan dalam budaya Melayu.

Contohnya, masyarakat umum mengenali labu sayong, kendi dan terenang sebagai hasil kraf tangan berasaskan seni tembikar. Di sebalik aspek seni, peralatan ini sebenarnya berfungsi sebagai bekas menyimpan air. Secara tidak langsung, penggunaannya berkait dengan perihal penjagaan kesihatan. Menurut petua orang dulu-dulu, air yang disimpan di dalam labu sayong segar dan baik untuk kesihatan kerana boleh menyejukkan badan, mengubati batuk dan demam panas. Air yang disimpan dalam terenang pula dikatakan sejuk, berbau wangi dan enak diminum.

Perpustakaan Universiti Malaya turut serta mempamerkan pelbagai hasil kajian ilmiah, merangkumi latihan ilmiah dan tesis (peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah) dari pelbagai fakulti di UM, antaranya Akademi Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Fakulti Sains, dan Fakulti Perubatan. Selain salinan asal latihan ilmiah dan tesis, para pengunjung juga berpeluang membuat rujukan kajian berkaitan perubatan Melayu menggunakan mesin mikrofis dan mikrofilem yang dibawa khas sempena pameran ini.

Menariknya, pameran ini turut dilengkapi dengan penyertaan Muzium Patologi, Fakulti Perubatan UM, yang mempamerkan beberapa contoh spesimen organ dalaman berpenyakit, antaranya kanser usus, ketumbuhan ovari, dan radang paru-paru.

Selain pameran koleksi muzium dan perpustakaan, pameran ini turut dimeriahkan dengan penglibatan pelajar APM, khususnya peserta Kursus JFEA 3112 - Pembangunan Reka Bentuk Tiga Dimensi (Sem I, Sesi 2017/2018), yang mengadakan pelbagai aktiviti sokongan berkaitan penjagaan kesihatan dan kecantikan, antaranya cara membuat bedak sejuk, memakai inai dan amalan makan sireh.





# PENCAPAIAN STAF RUANGAN PENGANUGERAHAN DAN PENGIKTIRAFAN



Inovasi Serat Tandan Sawit Dalam Pembuatan Produk Kraf Tekstil



## ANUGERAH PERTANDINGAN INOVASI DALAM R&D (ICOMPEX2017) (GOLD MEDAL)

Prof. Madya Dr. Sabzali Musa Kahn

# PENCAPAIAN STAF RUANGAN PENGANUGERAHAN DAN PENGIKTIRAFAN

## Inovasi Naib Juara Class G: Agriculture, Environment & Renewable Energy



Inovasi Serat Tandan Sawit Dalam Pembuatan  
Produk Kraf Tekstil

**ANUGERAH PERTANDINGAN INOVASI DALAM R&D (ICOMPEX2017)**

**Kategori INOVASI NAIB JOHAN**

Prof. Madya Dr. Sabzali Musa Kahn

# PENCAPAIAN STAF RUANGAN PENGANUGERAHAN DAN PENGIKTIRAFAN



Inovasi Sisik Ikan Sebagai Bahan Hiasan Pada Rekaan Fesyen

**ANUGERAH PERTANDINGAN INOVASI DALAM R&D (ICOMPEX2017)  
(GOLD MEDAL)**

Prof. Madya Dr. Sabzali Musa Kahn

# Anugerah Pelajar



## ANUGERAH PELAJAR

[TAHNIAH AHMAD AIDIL HADRI SA'DULLAH]

Tahniah diucapkan kepada Saudara Ahmad Aidil Hadri Sa'dullah, pelajar Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya dan merupakan Timbalan Exco Sukan dan Rekreasi PMAPM UM - Persatuan Mahasiswa Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya di atas kejayaan meraih tempat kedua dalam pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri (PABM) 2017 dalam kategori Alam Nusantara yang mewakili negara Singapura.

Semoga kejayaan beliau menjadi inspirasi kepada seluruh warga pelajar untuk berusaha mengahumkan nama versi dan APM khususnya selamanya mengkalikan kecemerlangan pada masa akan datang.

### NO. OF RECOGNITION AND AWARD RECEIVED BY STUDENT (I.E TROPHY, SPORT ACHIEVEMENT, PANEL OF JURY, CONSULTATION SKILL, EXPERT PANEL IN MASS MEDIA)

BIL.	NAMA	HADIAH	TARIKH	PERTANDINGAN
1.	Mohd Firdaus b. Ngatiman (JED150042) Jabatan Linguistik)	Pingat : Perak Acara : Lempar Cakera	22.9.2017	Kuala Lumpur 2017 9th Asean Para Games
2.	Siti Syahirah Yusoff (Jabatan Kesusasteraan Melayu)	Hadiah : Saguhati	8.5.2017	Program Pembinaan Bakat Siswa anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka
3.	Ahmad Aidil Hadri Sa'dullah (Jabatan Bahasa Melayu)	Hadiah : Tempat Kedua Kategori : Nusantara	2017	Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri (PABM) 2017



Siti Syahirah Yusoff, pelajar tahun 2 Jabatan kesusasteraan Melayu telah memenangi hadiah saguhati dalam Program Pembinaan Bakat Siswa 2017 anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dan Jabatan Pendidikan Tinggi Malaysia, Kementerian Pendidikan Tinggi pada 8 Mei 2017 di Dewan Bahasa dan Pustaka.

## AKTIVITI PELAJAR

Sepanjang tahun 2017 berbagai aktiviti yang diadakan oleh pelajar Akademi Pengajian Melayu. Antaranya adalah seperti yang dipaparkan di sini:

### SESI PERJUMPAAN BERSAMA PENGARAH AKADEMI PENGAJIAN MELAYU PROFESOR DR. PUTERI ROSLINA ABDUL WAHID

Pihak ahli Majlis Perwakilan Pelajar Akademi Pengajian Melayu telah mengadakan perjumpaan bersama pengarah Akademi Pengajian Melayu Profesor Dr. Roslina Abdul wahid di pejabat beliau bagi membincangkan pelaksanaan manifesto yang telah di tetapkan, sebaik usai Proses Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Malaya Sesi 2017/2018.



Selain manifesto, perbincangan juga meliputi masalah lain dan juga isu-isu berbangkit yang terdapat di Akademi Pengajian Melayu selain menerima buah fikiran daripada Pengarah APM.



# Program Jalinan Masyarakat

Pemupukan Aktiviti Kemasyarakatan, Kebudayaan, dan Kesukarelaan

Program Jalinan Masyarakat telah berjaya mencapai matlamatnya sebagai sebuah program interaksi antara mahasiswa dengan masyarakat. Program Jalinan Masyarakat kali keempat ini melibatkan mahasiswa Akademi Pengajian Melayu yang dibahagikan kepada dua kumpulan dan dibantu oleh lima orang penyelaras. Lokasi program ini ialah di Kampung Kundur Hulu, Rembau, Negeri Sembilan dan Kampung Orang Asli Pangsoon, Hulu Langat. Program Jalinan Masyarakat ini dimulai dengan Kampung Orang Asli Pangsoon, iaitu pada 13 hingga 16 Mei 2017 dan diikuti oleh Kampung Kundur Hulu, Rembau, Negeri Sembilan pada 21 hingga 23 April 2017.

Kedua-dua program yang dijalankan ini mempunyai pengisiannya yang tersendiri dalam aspek aktiviti yang dijalankan. Program Jalinan Masyarakat Kampung Orang Asli Pangsoon melibatkan acara pernikahan semula masyarakat orang asli oleh pihak JAKIM & JAIS. Peserta bersama masyarakat kampung tersebut bergotong royong mengadakan majlis perkahwinan mengikut adat perkahwinan orang Melayu. Gotong royong seperti memasak juadah, menyiapkan pelamin, menyolek pengantin, dan sebagainya mampu merapatkan hubungan peserta dengan masyarakat orang asli tersebut.

Program Jalinan Masyarakat di Kampung Kundur Hulu pula melibatkan program anak angkat, aktiviti gotong-royong, explorace, sukaneka, malam citrawarna, serta ceramah agama. Aktiviti sukaneka turut melibatkan beberapa artis tanah air seperti Anis Al-Idrus, Arja Lee, Shahrul AF dan Daniel Lawak Solo, manakala ceramah agama menampilkan Pencetus Ummah (PU) Fakhru yang merupakan peserta program realiti televisyen swasta Pencetus Ummah. Oleh kerana kampung Kundur Hulu terkenal dengan aktiviti penternakan dan pertaniannya, aktiviti Plan Booster bersama Jabatan Pertanian turut dijalankan untuk membuat baja organik daripada nenas, belacan, labu, tomato dan sebagainya.

Program tiga hari dua malam ini bukan hanya merupakan subjek wajib universiti sahaja tetapi mampu melahirkan mahasiswa yang bersikap kemasyarakatan serta memberi pendedahan tentang aktiviti kemasyarakatan, kebudayaan, dan kesukarelaan. Pada masa yang sama, hubungan silaturahim, kepimpinan berkesan, dan pemindahan ilmu yang dipelajari di universiti dapat dijalankan bersama komuniti. Kedua-dua pihak, sama ada mahasiswa dan komuniti itu sendiri berupaya membina satu hubungan bersifat jangka panjang dan berterusan selepas tamatnya program ini. Diharap Program Jalinan Masyarakat sesi seterusnya dapat menjadikan kejayaan program kali ini sebagai acuan bagi menjalankan program pada masa akan datang.



# Program Tatiman Masyarakat

Pemupukan Aktiviti Kemasyarakatan, Kebudayaan, dan Kesukarelaan



## HARI INTERAKSI (HATI'17)

Hari Interaksi (HATI) adalah satu program yang diatur untuk mengalu-alukan kedatangan pelajar baru pada setiap sesi pengajian. Pada tahun ini HATI'17 telah diadakan pada 11 November 2017 di Dewan Semarak APM. Profesor Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid, Pengarah APM telah merasmikan program ini yang telah dijayakan oleh 200 orang peserta, terdiri daripada pelajar, pensyarah dan kakitangan APM.

Pelbagai aktiviti telah diadakan bagi memeriahkan program ini antaranya tarian zumba, persembahan nyanyian lagu tradisi oleh Pn. Shafa'atusara Silahuddin dan persembahan biola oleh Dr. Lawrence Nathaniel Ross.

Suasana menjadi semakin hangat dan meriah semasa aktiviti ice breaking sesama pelajar, explorace skipping, explorace zig zags dan explorace telefon rosak juga berjaya mencuit hati para peserta.

Tema HATI'17 "Bersatu Hati Pengikat Kasih". Sesi bergambar bersama semua pelajar dan pensyarah mengakhiri program HATI'17.

Walaupun berkonsepkan santai dengan pelbagai persembahan dan permainan, program seperti ini sebenarnya berkesan untuk mengeratkan silaturrahim antara pelajar, pensyarah dan kakitangan APM dalam suasana yang tidak formal. Silaturrahim juga penting untuk membolehkan warga APM bekerja dan belajar dalam suasana yang aman dan harmoni.



# Malam Tautan Kasih (MALTIS) 2017



## BENGGKEL KESENIAN MELAYU : BENGGKEL KESENIAN UNTUK KEAMANAN 2017



Bengkel Kesenian Melayu yang diberi nama Bengkel Kesenian untuk Keamanan 2017 telah berlangsung dengan jayanya pada 28 hingga 31 Oktober 2017, bertempat di Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah, Universiti Malaya dengan menerapkan kemahiran-kemahiran seperti berikut:-

1. Kemahiran Pengurusan Visual Pentas
2. Kemahiran Skrip dan Pengarahan
3. Kemahiran Lakonan dan Tari
4. Kemahiran bermain alat muzik.



Bengkel ini telah dilaksanakan dengan penglibatan beberapa tenaga pengajar yang profesional dengan kerjasama pihak Kluster Penyelidikan Humanities Universiti Malaya dan pengurusan Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah.



Setinggi-tinggi penghargaan untuk Profesor Dr. Ainin Sulaiman, Dekan Equitable Society, Dr. Wirdati Mohd Radzi selaku Ketua Penyelidik dari pihak Kluster Penyelidikan Humanities Universiti Malaya serta Dr. Mohd Effindi bin Samsuddin Pengetua Kolej Kediaman Tuanku Kurshiah atas kerjasama telah diberikan.

# ILHAM SENI 2017

*Disediakan oleh:- Wan Habsah binti Wan Ali*

Pameran Ilham Seni 2016/2017 telah diadakan pada 8-9 Mei 2017 di Akademi Pengajian Melayu dengan objektif untuk mengetengahkan bakat dan hasil kerja pelajar kesenian tahun akhir sesi 2016/2017. Pelajar juga didedahkan cara mengadakan pameran kesenian mengikut piawai-piawai tertentu bagi memastikan pameran yang diadakan tersebut sebagai latihan dan wadah persediaan pelajar dalam dunia pengurusan aktiviti seni dan berpameran. Bahan-bahan pameran dan persembahan, pementasan adalah berdasarkan kursus-kursus yang ditawarkan di Jabatan Sosiobudaya/Kesenian Melayu. Beberapa aktiviti dijalankan semasa program tersebut iaitu pameran hasil seni di Dewan Angsana, gerai jualan di foyer dan sesi tayangan di Muzium Etnografi. Persembahan pelajar turut diadakan di Dewan Semarak ketika majlis perasmian oleh Pengarah APM dan majlis tersebut telah menerima tetamu kehormat Yang Mulia Raja Ahmad Aminullah Raja Abdullah. Program ini dihadiri sekitar 150 pelajar, pihak media dan tetamu jempunan luar. Program ini terlaksana dengan jayanya dan telah membuktikan pelajar-pelajar jabatan khususnya di jabatan kesenian mempunyai bakat, komitmen dan usaha tanpa jemu bagi menjayakan pameran ini.



# KENDURI RAKYAT 2017

Program Kenduri Rakyat telah berlangsung dengan meriah pada 19 Mei 2017 di Akademi Pengajian Melayu bertemakan “Kesultanan Melayu”. Persiapan dan perancangan telah dimulakan sebulan sebelum program, termasuklah pemilihan menu, pengagihan tugas sehinggalah kerja-kerja gotong-royong dan rewang. Program ini dilihat sebagai satu program yang dapat meningkatkan martabat Akademi Pengajian Melayu, di samping pengikat tali silaturahmi antara mahasiswa, kakitangan akademik serta kakitangan sokongan APM. Apa yang lebih penting adalah kerana ianya dapat memberi pendedahan mahasiswa dalam proses berorganisasi dan berprogram sekaligus meningkatkan kredibiliti sebagai pelajar mahupun mereka yang bergiat dalam Akademi Pengajian Melayu.



## AKTIVITI PELAJAR

### MAJLIS SOLAT HAJAT DAN BACAAN YASIN PERDANA AKADEMI PENGAJIAN MELAYU



Majlis Solat Hajat dan bacaan Yasin perdana APM telah dapat dilaksanakan dengan jayanya sempena peperiksaan semester 1 sesi 2017/2018.

Majlis Solat Hajat dan Bacaan Yasin telah dipimpin oleh Ahli Majlis Perwakilan Mahasiswa Pelajar Zon A1, Saudara Hanif bin Aisnan.



Jutaan terima kasih kepada Profesor Dr. Roslina Abdul Wahid selaku Pengarah APM dan Profesor Madya Dr. Nor Hisham Osman, Timbalan Pengarah bersama sahabat dari pimpinan Persatuan Mahasiswa Akademi Pengajian Melayu (PMAPM) yang memberikan kerjasama yang padu dalam menjayakan majlis tersebut.

**Antara aktiviti lain yang telah dijalankan sepanjang tahun 2017 adalah seperti :-**

#### PROJEK KEUSAHAWANAN

Projek ini memberi peluang kepada pelajar-pelajar Akademi Pengajian Melayu untuk menimba pengalaman dalam bidang perniagaan di samping menjadi platform untuk menambah pendapatan bagi menyara hidup sebagai seorang pelajar. Akademi Pengajian Melayu telah menyediakan Foyer APM sebagai tempat untuk pelajar berniaga.

#### PROJEK KEBAJIKAN PELAJAR

Pelajar-pelajar APM telah menjalankan kutipan derma kilat untuk keluarga pelajar Siti Khatijah binti Ghaffar yang kehilangan ayah tersayang.

Sumbangan bahan laporan aktiviti pelajar:-

**MUHAMMAD SHAFIQ FIRDAUS BIN RIZAL & SITI NOR ESMILA BINTI SA'IM**

Ahli Majlis Perwakilan Pelajar  
Akademi Pengajian Melayu  
Sesi 2017/2018

# Peristiwa Begambar Raya



# PERISTIWA BERGAMBAR HALUAN SISWA 2017



## *Peristiwa Begambar Firedrill*



## *Peristiwa Begambar Sukan Staff*



**BENKEL/ SEMINAR/ PERSIDANGAN/ FORUM/ DISKUSI/ WACANA  
DAN AKTIVITI YANG DIJALANKAN TAHUN 2017  
AKADEMI PENGAJIAN MELAYU**

**1. Bengkel Penerbitan**

Bengkel Penerbitan telah diadakan pada 18 Januari 2017 (Khamis) dari jam 9.00 pagi – 1.00 tengah hari di Bilik Mesyuarat Kiambang, Akademi Pengajian Melayu. Penceramah bengkel ialah Puan Fauzilahyaton Mustafa, Ketua Editor. Bahagian Buku Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Tujuan bengkel diadakan adalah untuk memberi taklimat dan membimbing para peserta tentang cara-cara atau prosedur untuk menerbitkan buku di Dewan Bahasa dan Pustaka dan menghasilkan manuskrip buku daripada tesis bagi tujuan penerbitan. Bengkel ini merupakan siri ke-2 di mana Bengkel penerbitan siri pertama telah diadakan pada 21.12.2016.

**2. Perbincangan Projek Penyelidikan Bersama Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM)**

Satu perbincangan telah diadakan pada 24 Januari 2017 dan 2 Februari 2017 di Bilik Mesyuarat Kiambang, Akademi Pengajian Melayu. Wakil dari FSKM diketuai oleh Dr. Nor Badrul Anuar Juma'at, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pembangunan) bersama tujuh (7) orang pensyarah FSKTM.

Tujuan perbincangan ini diadakan adalah untuk membincangkan kerjasama bagi menjalankan projek penyelidikan. Kerjasama penyelidikan ini juga merupakan arahan daripada Naib Canselor supaya boleh menghasilkan penerbitan bertaraf SCOPUS dan ISI dari APM dan Sains Sosial. Projek penyelidikan dibincangkan untuk memohon Geran FRGS 2017. Kerjasama projek penyelidikan ini mengutamakan pensyarah APM sebagai Ketua Penyelidik dibantu oleh pensyarah FSKTM dalam bentuk aplikasi, multimedia dan sebagainya.

**3. Taklimat Penerbitan Buku Terjemahan dan Buku oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM)**

Taklimat penerbitan buku terjemahan dan buku telah diadakan pada 16 Februari 2017 di Bilik Mesyuarat Kiambang, Akademi Pengajian Melayu. Teklimat telah diberi oleh En. Mohd Khair Ngadiron, Pengarah Urusan ITBM.

Taklimat ini diadakan untuk membantu pensyarah khususnya pensyarah muda dalam hal penerbitan buku dan buku terjemahan.

**4. Majlis Penyampaian Hadiah Sayembara Menulis Cerpen 2016**

Akademi Pengajian Melayu (APM) dengan kerjasama Gallery Bookstore Sdn Bhd (GBSB) telah menganjurkan majlis Sayembara 2016 pada 23 Februari 2017 bertempat di Dewan Semarak, Akademi Pengajian Melayu.

Sebanyak lebih kurang 800 penyertaan telah diterima dari Institusi Pengajian Awam dan Swasta dari dalam dan luar Negara.

**BENGKEL/ SEMINAR/ PERSIDANGAN/ FORUM/ DISKUSI/ WACANA  
DAN AKTIVITI YANG DIJALANKAN TAHUN 2017  
AKADEMI PENGAJIAN MELAYU****5. Seminar Kerjaya**

Ceramah Kerjaya telah diadakan pada 23 Mac 2017 (Khamis) di Bilik Seminar Teratai, Akademi Pengajian Melayu. Penceramah Kerjaya yang dijemput ialah Saudara Ahmad Fouad Abd Mubin. Ahmad Fouad Abd Mubin merupakan Alumni APM dan pemenang tempat pertama peraduan menulis cerpen 2016, anjuran Akademi Pengajian Melayu dengan kerjasama Gallery Bookstore Sdn Bhd. Cerpen yang telah dihasilkan bertajuk "Kimchi". Beliau telah melanjutkan pelajaran di salah sebuah universiti di Korea Selatan.

Tujuan Seminar Kerjaya diadakan untuk memberi panduan, membuka ruang dan galakan kepada pelajar-pelajar APM untuk memperoleh ilmu mengenai kerjaya dalam bidang penulisan kreatif dan penerbitan. Melihat bidang pekerjaan dalam penerbitan dan berkongsi pengalaman dalam kerjaya yang diceburi.

**6. Seminar Pre-Kongres Budaya 2017 : "Pewujudan Budaya Tinggi Dalam TN50"**

Akademi Pengajian Melayu dengan kerjasama pejabat Tan Sri Dato' Sri Utama Dr. Rais Yatim, Penasihat Sosio-Budaya Kerajaan Malaysia telah menganjurkan seminar ini pada 4 April 2017 bertempat di Dewan Semarak, Akademi Pengajian Melayu.

**7. Ceramah Penerbitan Jurnal Bertaraf SCOPUS**

Ceramah Penerbitan Jurnal bertaraf SCOPUS telah diadakan pada 11 April 2017 di Bilik Mesyuarat Kiambang, APM. Penceramah yang dijemput ialah Prof Madya Dr Nor Fariza Nor, Ketua Editor, GEMA Online Journal of Language Studies, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ceramah ini diadakan bertujuan untuk memberi penerangan dan pencerahan kepada sidang editorial jurnal APM dan kakitangan akademik tentang penerbitan jurnal bertaraf SCOPUS.

**8. Program Ilham Seni**

Program Ilham Seni telah diadakan pada 17-18 Mei 2017. Program ini melibatkan pelajar daripada Jabatan Sosio-Budaya / Kesenian Melayu. Banyak hasil daripada tugas pelajar dipamerkan diikuti dengan program Kenduri Rakyat yang diadakan pada 18 Mei 2017.

**9. Ceramah Tokoh**

Akademi Pengajian Melayu telah menganjurkan Ceramah Tokoh bertajuk "Tokoh "Siswazah dan Cabaran Bahasa Melayu" oleh Profesor Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim, pada 25 Mei 2017 di Bilik Mesyuarat Teratai, Akademi Pengajian Melayu.

**10. Pameran Seni Anyaman**

Akademi Pengajian Melayu dengan kerjasama bersama Perpustakaan UM. Telah mengadakan Pameran Seni Anyaman Bertempat di Perpustakaan Utama, UM. Pameran berlangsung mulai 1 Ogos 2017 hingga 30 September 2017.

**BENGKEL/ SEMINAR/ PERSIDANGAN/ FORUM/ DISKUSI/ WACANA  
DAN AKTIVITI YANG DIJALANKAN TAHUN 2017  
AKADEMI PENGAJIAN MELAYU**

**11. Taklimat Permohonan FRGS**

Taklimat penyediaan Permohonan FRGS telah diadakan pada 22.8.2017 di Bilik Mesyuarat Kiambang, APM oleh Prof Madya Dr Awang Azman Awang Pawi. Dr Awang telah memberi penerangan cara penyediaan geran FRGS dan juga penyediaan kertas cadangan penyelidikan. Prof Madya Dr Azman merupakan satu-satunya pensyarah APM yang berjaya mendapat dana dari geran penyelidikan FRGS ini.

**12. Taklimat Permohonan Geran Penyelidikan Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu (PKKM)**

Taklimat Penyediaan Permohonan Geran Penyelidikan PKKM telah diadakan pada 23.8.2017 di Bilik Mesyuarat Kiambang, APM. Profesor Dato' Dr Mohd Jamil Maah, Pengarah PKKM telah memberi penerangan berkaitan Geran Penyelidikan PKKM.

**13. Syarahan Za'aba 2017**

Akademi Pengajian Melayu telah menganjurkan seminar Za'aba pada 29 Ogos 2017 bertempat di Dewan Semarak, Akademi Pengajian Melayu. Tajuk syarahan Za'aba kali ini ialah "Kepimpinan Tradisional Malaysia Dalam Sistem Kerajaan Monarki Berparlimen" oleh YB Dato Sri Dr. Hj Wan Junaidi Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar.

**14. Siri Kuliah Kesusasteraan Bandingan MASTERA 2017**

Akademi Pengajian Melayu dengan kerjasama Dewan Bahasa dan Pustaka telah menganjurkan Siri Kuliah Kesusasteraan Bandingan (SKKB) Mastera XX 2017 pada 21 November 2017 bertempat di Dewan Semarak Akademi Pengajian Melayu. Tajuk kuliah ialah "Sastra Bandingan: Mengungkap Problem Sosio-Budaya Tempatan". Pembimbing Majlis MASTERA 2017 ialah YBhg Bapak Maman S. Mahayana dari Indonesia.



## MoU / MoA /SEPA dan Hubungan Luar dan Antarabangsa

### 1. Profesor Pelawat

Profesor Dr Sumarlam Wiryo Sukarto, Profesor Pelawat daripada Universitas Sebelas Maret, Indonesia. Beliau dilantik sebagai Profesor Pelawat di APM daripada 5 September 2017 hingga 23 Oktober 2017.


#### Antara tugas beliau di APM:

- (1) Mengajar Bahasa Jawa di Jabatan Linguistik Melayu
- (2) Mengambil bahagian dalam “Diskusi Buku” iaitu program yang dianjurkan oleh Jabatan Kesusasteraan Melayu
- (3) Memberi ceramah yang bertajuk “Pertembungan Bahasa Program Transmigrasi di Indonesia”, anjuran Pusat Kajian Kecemerlangan Melayu.
- (4) Memberi kelas Bahasa Jawa kepada kakitangan APM.

### 2. Perjanjian Persefahaman (MoU)

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya telah menandatangani Perjanjian Persefahaman (MoU) dengan universiti luar dan pihak Industri seperti di bawah:

Bil	Nama Universiti / Organisasi	Tempoh Perjanjian
1.	Gallery Bookstore Sdn Bhd	11.11.2016 – 10.11.2018
2.	Kementerian Pertanian Malaysia	23 April 2017 – 22 April 2019
3.	Fakulti Perubatan Melayu, Institute of Physical Science Culture and Arts (FPM IPSCA)	Okt. 2017 – Okt. 2020
4.	Hankuk University of Foreign Studies, Seoul, Korea	11.7.2017 – 10.7.2022
5.	Kanda University of International Studies, Japan	12.6.2017 – 11.6.2022



**INSTITUTE OF  
PHYSICAL SCIENCE  
CULTURE & ARTS**



**HANKUK UNIVERSITY  
OF FOREIGN STUDIES**



## MoU / MoA /SEPA dan Hubungan Luar dan Antarabangsa

### 3. Lawatan

Akademi Pengajian Melayu telah menerima pelawat daripada Universiti, Kolej, Sekolah atau institusi luar. Antara yang pernah melawat APM pada 2017 ialah:

Bil	Universiti / Sekolah / Kolej / Organisasi	Tarikh
1.	Institut Pendidikan Guru Malaysia	13.4.2017
2.	Pensyarah Daripada Institute of Anthropology, Vietnam Academy of Social Science, Vietnam	8.5.2017
3.	Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kelantan	25.8.2017
4.	Institute of Physical Science Culture and Arts (IPSCA)	5.6.2017
5.	Program pertukaran pelajar jangka pendek dari Universitas Sebelas Maret (UNS), Indonesia. Seramai 16 orang pelajar UNS berada di APM sebagai pelajar pemerhati.	4 Sept. 2017 sehingga sehingga 28 Sept. 2017.
6.	SMK Seri Balik Pulau, Pulau Pinang	25.9.2017



# KERATAN AKABAR

## SASTERA & BUDAYA

### Sastera bandingan pintu fahami budaya

**Cara hidup, agama bezakan hasil sastera sebahagian negara**

**Diah Hafizah menerangkan**  
hafizah@um.edu.my

**Star budaya dan agama se- lahnya membolehkan hasil sastera sebahagian negara di- mampukan untuk fahami budaya**

**Q**UASERA di Universiti Malaya dengan tajuk Sastera Bandingan Mengungkap Keindahan Kebudayaan Mempunyai Persekitaran Sebahagian Negara ialah akan terdapat dalam setiap bahasa dalam dunia ini yang perlu difahami oleh kajian sastera bandingan.

Presiden MAMBA, Tuan Dato Sa- lara Harun dengan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang hadir dalam majlis persembahan buku ini di- nyatakan bahawa sastera bandingan adalah satu disiplin yang membolehkan kita memahami budaya dan kebiasaan orang lain dengan lebih mendalam. Beliau berkata, sastera bandingan adalah satu disiplin yang membolehkan kita memahami budaya dan kebiasaan orang lain dengan lebih mendalam.



Sebahagian yang hadir pada persembahan buku Sastera & Budaya di Universiti Malaya.

**Q**UASERA di Universiti Malaya dengan tajuk Sastera Bandingan Mengungkap Keindahan Kebudayaan Mempunyai Persekitaran Sebahagian Negara ialah akan terdapat dalam setiap bahasa dalam dunia ini yang perlu difahami oleh kajian sastera bandingan.

**Star budaya dan agama se- lahnya membolehkan hasil sastera sebahagian negara di- mampukan untuk fahami budaya**

**Q**UASERA di Universiti Malaya dengan tajuk Sastera Bandingan Mengungkap Keindahan Kebudayaan Mempunyai Persekitaran Sebahagian Negara ialah akan terdapat dalam setiap bahasa dalam dunia ini yang perlu difahami oleh kajian sastera bandingan.

**Q**UASERA di Universiti Malaya dengan tajuk Sastera Bandingan Mengungkap Keindahan Kebudayaan Mempunyai Persekitaran Sebahagian Negara ialah akan terdapat dalam setiap bahasa dalam dunia ini yang perlu difahami oleh kajian sastera bandingan.

**Star budaya dan agama se- lahnya membolehkan hasil sastera sebahagian negara di- mampukan untuk fahami budaya**

**Q**UASERA di Universiti Malaya dengan tajuk Sastera Bandingan Mengungkap Keindahan Kebudayaan Mempunyai Persekitaran Sebahagian Negara ialah akan terdapat dalam setiap bahasa dalam dunia ini yang perlu difahami oleh kajian sastera bandingan.

**Q**UASERA di Universiti Malaya dengan tajuk Sastera Bandingan Mengungkap Keindahan Kebudayaan Mempunyai Persekitaran Sebahagian Negara ialah akan terdapat dalam setiap bahasa dalam dunia ini yang perlu difahami oleh kajian sastera bandingan.

**Star budaya dan agama se- lahnya membolehkan hasil sastera sebahagian negara di- mampukan untuk fahami budaya**

**Q**UASERA di Universiti Malaya dengan tajuk Sastera Bandingan Mengungkap Keindahan Kebudayaan Mempunyai Persekitaran Sebahagian Negara ialah akan terdapat dalam setiap bahasa dalam dunia ini yang perlu difahami oleh kajian sastera bandingan.

## UTUSAN MALAYSIA - JUMAT 17 NOVEMBER 2017

### 8 universiti tempatan bertaraf 6 bintang

**KUALA LUMPUR 16 NOV**

**L**APAN universiti tempatan di- awangkan perarafan enam bintang sangat cemerlang, atas pengiktirafan bertaraf Sistem Perarafan Insidien Pendidikan Tinggi Setara 2017.

Lapan universiti bertaraf ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIAM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).



**Dato Harun**

Ini ini berjaya dengan Sastera Baharu yang menguji kemampu- an universiti-universiti lain di peringkat kecekapan negara dan juga keberanian negara di- rangkai bersama-sama di peringkat antarabangsa. Beliau berkata, sastera bandingan adalah satu disiplin yang membolehkan kita memahami budaya dan kebiasaan orang lain dengan lebih mendalam.

Beliau berkata, sastera bandingan adalah satu disiplin yang membolehkan kita memahami budaya dan kebiasaan orang lain dengan lebih mendalam.

## KOSMO! JUMAAT 17 NOVEMBER 2017

# Bidang rawatan tradisional perlu dijadikan program ijazah sarjana muda Pengajian baharu perubatan Melayu

**Cikah MOHD. HAFIZI AHMAD**

**K**UALA LUMPUR - Persidangan Antarabangsa Perubatan Melayu 2017 mengesahkan kerajaan memperkerahkan satu program pengajian baharu di peringkat ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan Melayu bagi mengiktiraf ilmu itu dalam pendidikan tinggi negara.

Pangarah Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya (UM), Prof. Dr. Puteri Roslina Abdul Wahid berkata, perubatan Melayu tradisional mempunyai potensi besar dan wajar dijadikan sebagai satu program pengajian di universiti-awam dan swasta di negara ini.

Jelas beliau, ketika ini tiada institusi pengajian tinggi (IPT) di negara ini menawarkan program ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan Melayu walaupun bidang itu mempunyai potensi besar dalam pasaran pekerjaan serta perniagaan ekonomi negara.

"Universiti perlu memainkan peranan



**PUTERI ROSLINA** (duduk, tengah) bergambar bersama peserta Persidangan Antarabangsa Perubatan Melayu 2017 di Universiti Malaya, Kuala Lumpur semalam.

untuk memartabatkan bidang perubatan Melayu yang menjadi warisan budaya yang tidak luput dan terpinggir serta bertaraf sama tinggi dengan perubatan moden.

"Semua pihak berkepentingan seperti Agensi Kelayakan Malaysia, Kementerian Kesihatan, penyelidikan, IPT dan pengamal perubatan perlu berunding bagi merealisasikan hasrat berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap membacakan resolusi persidangan pada majlis penutupan Persidangan Antarabangsa Perubatan Melayu 2017 yang berlangsung di UM di sini semalam.

Persidangan dua hari itu dianjurkan oleh Akademi Pengajian Melayu dan Fakulti Sains Universiti Malaya.

Mentor Puteri Roslina, resolusi lain yang dicetuskan dalam persidangan tersebut ialah membolehkan persepsi masyarakat supaya tidak mengiktiraf perubatan Melayu dengan institusi perubatan.

Beliau berkata, persidangan itu juga mahu semua pihak memainkan peranan dalam usaha melestarikan perubatan Melayu serta berusaha melahirkan penyelidik yang mahir dalam pelbagai bidang pengajian perubatan tradisional itu.

"Dalam bidang brokari, pihak kerajaan perlu menetapkan standard yang dapat membantu industri perubatan tradisional dan alternatif kerana ia akan merajana ekonomi negara," ujarnya.

## 12 NEGARA

# Ilmu perubatan Melayu jadi pelengkap rawatan moden

**KUALA LUMPUR** - Ilmu perubatan Melayu perlu difiniskan dan dianalisis secara saintifik kerana ia memiliki potensi besar untuk menjadi pelengkap kepada teknik rawatan moden.

Pakar Kitab Tib, Dr. Harun Mat Piah berkata, usaha ke arah memartabatkan ilmu perubatan Melayu semakin memperlihatkan hasil dan sudah terdapat pusat-pusat perubatan moden yang menggunakannya.

Menurutnya, terdapat beberapa penyakit strok dan sakit tulang belakang berkaitan *sip dia* yang berangkiti sukair dirawat menggunakan perubatan kontem- porari namun boleh diubati dengan perubatan Melayu menggunakan teknik urutan.



**HARUN**

"Misalnya bagi kes patah kaki, jika menggunakan perubatan moden, kaki akan dibalut simen namun apabila ia dibuka, pesakit selalunya masih lemah dan belum mampu berjalan.

"Perubatan Melayu mem- iliki teknik terapi mis-alnya berbentuk mandian atau memercu pesakit berjalan di atas pasir dan tanah bagi mengatasi masalah ini," ka- tanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri Per- sidangan Antarabangsa Perubatan Melayu 2017 di Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya (UM) di sini semalam.

Hadir sama Timbalan Ketua Pen- garah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dato' Abang Sallehuddin Abang Shokeran dan Pengarah

Akademi Pengajian Melayu UM, Prof. Dr. Puteri Roslina Abd. Wahid. Menurut Harun, ilmu perubatan Melayu tidak begitu popular dalam kalangan bukan Melayu kerana ia sering dikaitkan dengan alam ghaib dan makhluk halus.

"Ilmu perubatan Melayu mesti menjadi sesuatu yang rasional, ber- sifat saintifik dan autoritatif dengan adanya sumber rujukan, buku, kitab Tib dan sebagainya," jelas beliau.

Sementara itu, Sallehuddin berkata, Pusat Dokumentasi Melayu DBP kini memiliki 400 manuskrip dalam simpanan ter- masuk lapan daripadanya adalah dalam bidang perubatan Melayu.



"DBP memiliki kopalakan, nam- un ia tidak mencukupi, jadi kami membuka ruang untuk bekerja- sama yang mana hasil dan penerbit-annya boleh dikongsi bersama," ujarnya.



**SALLEHUDDIN** (dua dari kiri) bergambar bersama Puteri Roslina (tengah) selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Perubatan Melayu 2017 di UM, Kuala Lumpur semalam.



# BUKU TERBARU TERBITAN STAF AKADEMIK



# KONVOKESYEN 2017

*Tahniah* diucapkan kepada para graduan Akademi Pengajian Melayu yang telah berjaya menamatkan pengajian dan dianugerahkan skrol pada tahun ini. Istiadat konvokesyen 2017 telah menyerlahkan APM sebagai salah satu PTj yang menghasilkan graduan yang berkualiti dan bermutu tinggi yang memiliki ciri-ciri yang diperlukan dalam pasaran kerja pada hari serta dapat dibanggakan oleh masyarakat pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pada sesi ini, seramai 80 orang graduan diperingkat Ijazah Sarjana Muda, 20 orang di peringkat Sarjana dan 11 orang di peringkat Doktor Falsafah (PhD).

Pecahan bilangan graduan Ijazah Sarjana Muda mengikut program adalah Sarjana Muda Pengajian Melayu (Bahasa Melayu) seramai 27 orang, Sarjana Muda Pengajian Melayu (Kesusasteraan Melayu) seramai 19 orang, Sarjana Muda Pengajian Melayu (Linguistik Melayu) seramai 17 orang dan Sarjana Muda Pengajian Melayu (Sosio-Budaya Melayu) seramai 17 orang, manakala tiada graduan bagi program Sarjana Muda Pengajian Melayu (Kesenian Melayu) untuk sesi konvokesyen kali ini.

Pada peringkat Ijazah Sarjana pula, seramai 12 orang graduan dari Jabatan Bahasa Melayu, 7 orang graduan dari Jabatan Sosio-Budaya dan Kesenian Melayu, seorang graduan dari Jabatan Linguistik Melayu dan 3 orang graduan dari Jabatan Kesusasteraan Melayu.

Senarai penerima Hadiah Buku Universiti adalah Sdr. Nur Hannah binti Mohamed Elyas, Sdr. Nur Hafizah binte Mohd Tashib, Sdr. Hamimah binti Hamdan, Sdr. Afza Fahmidah binte Amir, Sdr. Logambigai a/p Bakthaselban, Sdr. Nur Faizahton binti Saidin, Sdr. Muhammad Ilyas bin Abdussamad, Sdr. Iffa Syahida binti Rosli, Sdr. Al-Jarina binti Arsad dan Sdr. Zuhaili bin Mokhtar bagi program Sarjana Muda Pengajian Melayu (Bahasa Melayu), Sdr. Siti Nur 'Aliah binte Ghazali, Sdr. Noor Ewanyy bte Alwi, Sdr. Siti Nurnazerah binti Asno, Sdr. Nur Hidayah binti Abdullah, Sdr. Nurul Syahidah binti Mohd Tahir bagi program Sarjana Muda Pengajian Melayu (Kesusasteraan Melayu) serta Sdr. Afira Naqilla binti Che Abdul Rahman bagi program Sarjana Muda Pengajian Melayu (Sosio-Budaya Melayu). Sdr. Logambigai a/p Bakthaselban juga turut menerima Hadiah Buku Cikgu Haji Osman Hassan, Sdr. Hamimah binti Hamdan menerima Pingat Emas Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat, manakala Nur Hannah binti Mohamed Elyas dianugerahkan Pingat Emas Tun Fatimah bt Hj. Hashim.



# PELAN STRATEGIK AKADEMI PENGAJIAN MELAYU

## ASPIRASI AKADEMI PENGAJIAN MELAYU

### *Visi*

Untuk menjadi pusat ilmu Pengajian Melayu yang ternama pada peringkat antarabangsa dalam pengajaran, penyelidikan, penerbitan dan inovasi.

### *Misi*



# Kata-Kata Hikmah

Aku mampu berhujah dengan 10 orang yang berilmu tetapi aku pasti kalah dengan seorang yang jahil, kerana orang yang jahil itu tidak pernah faham landasan ilmu.

- Imam As-Syafie

Kata-kata yang lemah dan beradab dapat melembutkan hati dan manusia yang keras. ( Hamka).

Pergaulan mempengaruhi didikan otak.Oleh itu, untuk kebersihan jiwa hendaklah bergaul dengan oarang-orang beradab dan berbudi mulia yang dapat kita kutip manfaatnya. (Hamka)

Akal membentuk budi,membentuk kebudayaan dan menjerumuskan manusia kepada kehancuran. ( Hamka ).

Bangsa yang memperkosa hak bangsa lain atau orang yang memperbudakkan sesama manusia telah melakukan kesalahan.Tetapi kesalahan tidak boleh ditimpakan kepada si gagah sahaja yang dijajah dan diperkosa atau diperbudak turut bersalah.Mengapa mahu dijajah?Orang lain tidak dapat menolong kalau yang dijajah telah menggalkan batang leher sendiri untuk disembelih. ( Hamka).

Ilmu yang tidak disertakan dengan amal itu namanya gila dan amal yang tidak disertai ilmu itu akan sia-sia. [imam al Ghazali]

Menuntut ilmu adalah taqwa. Menyampaikan ilmu adalah ibadah. Mengulang-ulang ilmu adalah zikir. Mencari ilmu adalah jihad. (Imam Al Ghazali)

Yang meninggikan darjat seseorang ialah akal dan adabnya, bukan asal keturunannya. (Aristotle)

Orang yang berjaya dalam hidup adalah orang yang nampak tujuannya dengan jelas dan menjurus kepadanya tanpa menyimpang." ~ Cecil B. DeMille

# Penghargaan



Terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penerbitan Buletin APM 2017.

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU  
UNIVERSITI MALAYA  
50603 KUALA LUMPUR.  
TEL: 03- 79677200  
FAKS: 03-79677214 / 7266  
LAMAM SESAWANG: <http://apm.um.edu.my/>  
EMEL: [apm@um.edu.my](mailto:apm@um.edu.my)**